

29/01/1997

MSC perubahan radikal sistem nilai masyarakat

Daeng Pendeta

IDEALISME Wawasan 2020 lahir daripada hasil wacana pemikir Isis manakala gagasan Koridor Raya Multimedia (MSC) pula lahir daripada garapan minda teknokrat tempatan dalam Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC).

Inisiatif baru yang belum pernah dipelopori Wawasan 2020; MSC juga memiliki liku-likunya yang tersendiri. Ia adalah suatu usaha berani kerajaan melakukan perubahan radikal besar-besaran ke atas sistem nilai masyarakat akan datang.

Tidak dinafikan, ramai yang bersikap sinis terhadap potensi ekonomi industri IT kepada Malaysia. Memang benar sumbangan industri IT tempatan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) secara relatifnya agak rendah.

Namun begitu; perangkaan Persatuan Komputer Malaysia (Pikom) menunjukkan bahawa pendapatan IT tahun 1997 akan berkembang pada kadar 20% kepada RM6.0 bilion, berbanding dengan keuntungan RM4.94 bilion pada tahun 1996.

Pertumbuhan yang berterusan ini sejajar dengan kesediaan rakyat Malaysia berbelanja untuk membeli komputer berbanding 10 tahun lalu. Kesediaan berbelanja ini menunjukkan industri IT negara mempunyai potensi ekonomi yang besar.

Menyedari akan potensi ini, kita harus berusaha melengkapkan diri dengan pengetahuan teknikal dan teknologi IT masa kini. Kelemahan kita tidak harus sedikit pun mencacatkan iltizam untuk mencapai cita-cita tersebut. Setiap masalah punya penyelesaian.

Marilah sama-sama kita ambil iktibar kisah Bill Gates yang baru saja sedar potensi sebenar Internet. Itu pun setelah banyak syarikat lain meninggalkannya jauh. Tidak patah semangat, Bill Gates pun mencipta "browser" Microsoft bernama Explorer. Maka bermulalah pemecahan dominasi Navigator milik Netscape yang telah bertapak sekian lama.

Itu cerita Bill Gates dengan Internet. Dr Mahathir juga ada kisahnya yang tersendiri. Beliau telah mencipta dan menjadikan MSC sebagai Agenda IT Negara. Semua berdiri atas satu matlamat untuk memecahkan monopoli kecemerlangan teknologi IT daripada sekadar berlegar di ruang korporat negara maju saja.

Kita mahu pembangunan industri IT dapat dikongsi di negara sedang membangun seperti Malaysia. Ini penting kerana kita mahu di tahun 2020 akan wujud suatu masyarakat madani yang bukan saja maju dalam bidang ekonomi, industri dan teknologi: malah kaya dengan pengalaman, sejarah, budaya dan juga maklumat.

Namun kejayaan muktamad gagasan ini terletak pada diri kita sendiri. Adakah masyarakat negara ini bersedia dengan iltizam yang tinggi untuk mengamal dan menyesuaikan diri dengan transformasi ini. Tepuk dada tanya selera.

Hakikatnya, Agenda IT Negara adalah selari dengan prinsip hidup Bill Gates, Pengerusi Microsoft yang berusia 41 tahun. Di sebalik pemilikan aset peribadi RM50 bilion; beliau berpendapat:

"... industri IT bukanlah sekadar perniagaan komersil semata-mata; malah ia lebih merupakan satu instrumen kehidupan yang mampu meningkatkan kualiti peribadi dan sosial manusia. Semua orang mampu bermula dengan kebolehan yang cemerlang"

Agenda IT Negara telah dirangka sebegitu teliti sehingga melahirkan tiga strategi utama untuk merealisasikan cita-cita MSC.